

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebabnya kes buli di sekolah semakin meningkat dan apa langkah-langkah penyelesaian yang sewajarnya diambil oleh pihak Kementerian, sekolah dan ibu-bapa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius perkara berkaitan buli dalam kalangan murid dan sentiasa mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Berdasarkan data Sistem Sahsia Dirid Murid (SSDM), peratus murid terlibat gejala buli secara relatif adalah menurun pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Sepanjang tempoh Januari hingga September 2020, data SSDM menunjukkan 0.04% murid direkodkan melakukan salah laku buli di sekolah berbanding 0.12% kes direkodkan sepanjang Januari hingga November 2019 bagi salah laku yang sama. Peratus murid yang melakukan salah laku buli pada tahun 2016 hingga 2018 adalah masing-masing 0.07%, 0.06% dan 0.09%.

Bagi membendung gejala buli di kalangan murid, KPM sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan sekolah bebas dari perbuatan buli. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti yang berikut:

- a) melancarkan Program Sekolah Selamat untuk semua sekolah di seluruh negara. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat agar warga sekolah dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan kokurikulum tanpa gangguan dari mana-mana pihak, termasuk perbuatan buli dalam kalangan murid. Antara tindakan yang dilaksanakan dalam program ini adalah menubuhkan Jawatankuasa Khas Sekolah Selamat di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah serta bekerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah;
- b) semua pengetua dan guru besar hendaklah memantau dan mengambil langkah proaktif untuk menangani gejala buli dalam kalangan murid sekolah. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 tahun 2010: Garis Panduan Mencegah dan

Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah dan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah. Antara tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah adalah mengadakan peti aduan di sekolah dan asrama, mengukuhkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama serta mengambil tindakan dan menghukum murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah atau asrama;

- c) mengeratkan hubungan di antara guru dan murid melalui pelaksanaan Amalan Guru Penyayang di sekolah. Program ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyayang dalam kalangan warga sekolah, meningkatkan hubungan murid dan guru serta mengeratkan hubungan sesama murid. Usaha ini akan dapat mengurangkan risiko berlakunya kes buli di sekolah;
- d) mengadakan kerjasama erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS). Setiap sekolah menengah dan sekolah rendah mempunyai seorang PPS yang sentiasa mendampingi dan bekerjasama dengan pihak sekolah, termasuklah mengadakan program-program untuk mencegah perbuatan buli di sekolah; dan
- e) menyediakan khidmat kaunseling kepada murid-murid yang didapati cenderung untuk melakukan perbuatan buli terhadap murid lain.

KPM akan terus berusaha meningkatkan lagi kesedaran murid bagi mencegah gejala buli di sekolah. KPM juga amat menghargai peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah bagi menangani gejala buli dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.